

# Proton lancar versi hibrid lima tahun lagi

## Teknologi gabungan enjin petrol, bateri lebih mesra alam

Oleh Azizi Othman dan Abdul Halim Yusoff

**P**ROTON Holdings Bhd, dijangka melancarkan kereta hibrid yang menggunakan gabungan enjin petrol dan bateri yang lebih mesra alam dalam tempoh lima tahun ini.

Penasihat Proton, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata pengeluar kereta nasional itu telah berusaha membangunkan teknologi hibrid itu sejak lima tahun lalu dengan sumber terhad.

"Proton sedang bekerja keras untuk mengeluarkan kereta hibrid sendiri dengan peruntukan dan juru-tera terhad.

"Tetapi saya yakin ia dapat dikeluarkan dalam tempoh kurang daripada lima tahun," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, semalam.

Dr Mahathir menjelaskan, pada masa depan kereta mesra alam akan menjadi pilihan untuk menembusi

pasaran penting terutama Eropah.

Ketika ini, beberapa pengeluar kereta utama dunia, seperti Honda dan Toyota sudah memperkenalkan kenderaan hibrid.

Honda mengeluarkan Civic Hybrid, manakala Toyota menerusi model Prius dan kenderaan pelbagai guna (MPV) Alphard.

Sementara itu, mengulas khabar angin kononnya banyak pihak berminat menguasai kepentingan Proton, Dr Mahathir berkata, ada banyak pihak termasuk syarikat asing seperti Volkswagen AG.

Proton dan Volkswagen memeterai perjanjian kerjasama hujung tahun lalu bagi memasang kereta Volkswagen di Malaysia, tetapi tidak membabitkan pembelian kepentingan.

Khazanah Nasional Bhd ialah pemegang saham terbesar Proton dengan 43 peratus kepentingan diikuti Petronas, lebih lapan peratus.

"Saya percaya Khazanah memegan kepentingan lebih daripada

yang dibenarkan mengikut peraturan bursa (Bursa Malaysia) selepas membeli lebih 15 peratus kepentingan daripada Mitsubishi.

"Khazanah sudah diberikan pe-

### FAKTA

#### Kereta Enjin Hibrid

- Digerakkan dua sumber kuasa, motor elektrik dan enjin petrol atau diesel.
- Menjimatkan minyak kerana petrol atau diesel hanya digunakan apabila lebih kuasa diperlukan ataupun untuk mengencas bateri.
- Tiada petrol dibazirkan ketika berhenti di lampu isyarat kerana tenaga dijana bateri.
- Bateri digunakan ketika muatan kenderaan belum melepasi berat tertentu.

ngecualian daripada membuat tawaran am mandatori (MGO) dan membuat aku janji melupuskan saham itu (yang dibeli daripada Mitsubishi) sebelum hujung tahun ini.

"Sudah tentu siapa saja boleh membeli saham Proton. Tetapi ini berbeza dengan membida untuk membeli keseluruhan syarikat," katanya.

Mengikut peraturan Bursa Malaysia, pemegang saham yang memegang lebih 33 peratus kepentingan dalam sesebuah syarikat wajib membuat MGO bagi membeli baki saham yang tidak dimilikinya dalam syarikat terbabit.

"Jika kita mahu, kita boleh menjual lebih 50 peratus kepentingan Proton. Banyak syarikat asing yang sedia membeli, malah saya fikir mungkin sehingga 100 peratus. "Bagaimanapun, kita bimbang jika kita menjual 100 peratus, mereka akan menutup operasi pengeluaran kereta nasional kita dan hanya mengeluarkan kereta mereka," kata Dr Mahathir.

BH - 8/7/2005